

SOALAN NO: 338

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD

SOALAN:

Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik bilangan pekerja yang diberhentikan kerja, yang mendapat kerja baru dan yang menganggur bagi sepanjang tahun 2017.

PR-1361-T01866

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku tahun keempat 2017 adalah pada kadar 3.4 peratus dengan jumlah penganggur seramai 505,800 orang berbanding seramai 512,200 orang penganggur pada tahun 2016. Pada Januari 2018, kadar pengangguran ini kekal dengan kadar 3.4 peratus dengan jumlah penganggur seramai 516,460 orang. Oleh itu, ianya adalah sesuatu yang membanggakan negara apabila kita dapat mengekalkan kadar pengangguran kurang daripada 4% sejak lebih dua dekad yang lalu. Berdasarkan Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), kadar pengangguran antara 4% hingga 6 % dianggap sebagai guna tenaga penuh (*full employment*).

2. Berdasarkan Notifikasi majikan kepada jabatan Tenaga Kerja (JTK), pada tahun 2017, seramai 35,097 orang pekerja telah diberhentikan. Daripada jumlah tersebut, seramai 31,159 orang pekerja (89%) diberhentikan secara pemberhentian biasa dan seramai 3,938 orang pekerja (11%) adalah pemberhentian secara sukarela (VSS). Daripada jumlah tersebut juga, jumlah pekerja tempatan yang diberhentikan ialah seramai 32,055 orang pekerja (91%) berbanding seramai 3,042 orang pekerja asing (9%). Pekerja

62

62

asing yang terlibat dengan pemberhentian telah pulang ke negara asal.

3. Seramai 32,055 orang pekerja tempatan yang diberhentikan boleh dikategorikan kepada beberapa golongan berdasarkan usaha mereka mencari pekerjaan. Seramai 2,655 orang telah menjalani latihan melalui program *1Malaysia Outplacement Centre* (1MOC) di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Menerusi inisiatif ini, pekerja yang telah diberhentikan kerja akan dilengkapi dengan kemahiran industri tambahan atau kelayakan yang diperlukan untuk membolehkan mereka bekerja semula dan diserapkan ke dalam jawatan selepas tamat latihan ke syarikat yang mencarum dengan PSMB. Seramai 1,276 orang yang berdaftar dengan *JobsMalaysia* telah dipadankan dengan kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan. Melalui usaha ini, seramai 150 orang pekerja yang berjaya ditempatkan di pekerjaan baru sehingga Disember 2017. Manakala seramai 29,250 orang telah memilih untuk mencari pekerjaan sendiri dan menceburi lapangan baru seperti keusahawanan.

4. Kementerian juga telah mengambil langkah yang proaktif dengan menubuhkan Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di semua UTC Negeri di mana Pusat *JobsMalaysia* beroperasi. Bagi tujuan ini, Agensi seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), TERAJU, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan PERKESO turut memberikan perkhidmatan setempat kepada golongan sasaran iaitu pencari kerja.

5. Berdasarkan rekod JTKSM, sepanjang tahun 2017 seramai 183,433 pencari kerja berjaya ditempatkan dalam pekerjaan. Dari jumlah ini seramai 57,320 orang adalah pencari kerja dari kalangan siswazah dan seramai 126,113 orang adalah pencari kerja dari kalangan bukan siswazah. Pada tahun 2018 sehingga 28 Februari, program-program ini telah berjaya menempatkan seramai 31,239 orang pencari kerja. Dari jumlah ini seramai 9,583 orang pencari kerja adalah dari kalangan siswazah manakala seramai 21,656 orang adalah dari kalangan bukan siswazah.

66

SOALAN : 339

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]**

RUJUKAN : 10690

SOALAN :

PR-1361-T01867

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan berapakah bilangan penjara, jumlah
banduan di Malaysia dan berapakah kos yang dibiayai oleh Kerajaan
sepanjang tahun 2017.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 26 Mac 2018 terdapat seramai 61,951 orang yang ditahan dan menjalani hukuman di 52 buah institusi penjara di seluruh Malaysia. Jumlah ini merujuk kepada banduan reman, banduan sabitan, tahanan dan pesalah juvana. Kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan pada tahun 2017 bagi program pemulihan dan rawatan serta aspek keselamatan banduan adalah sebanyak RM796,479,006.00.